

29 SEP 2001

Musa-Pelantikan

MUSA SIFATKAN PELANTIKAN SEBAGAI TANGGUNGJAWAB

KOTA KINABALU, 29 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman hari ini menyifatkan pelantikannya sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah sebagai satu tanggungjawab yang bakal dipikul.

"Agenda utama yang menanti Umno dan juga Barisan Nasional (BN) ialah untuk memastikan kemenangan besar dalam pilihan raya akan datang seperti yang telah disaksikan dalam pilihan raya negeri Sarawak baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas majlis Hari Wanita 2001 di sini.

Kesemua ini memerlukan ketekunan, kerjasama dan sokongan kuat daripada anggota Umno daripada semua peringkat, katanya.

Pelantikan beliau diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat majlis tertinggi Umno semalam.

Musa turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas pelantikan beliau itu.

Ditanya samada beliau akan melakukan rombakan dalam badan perhubungan negeri, beliau berkata sedikit perubahan akan dibuat bagi memberi nafas baru kepada badan tersebut.

Musa yang juga Bendahari Umno negeri menggantikan tempat Datuk Osu Sukam.

Sementara itu, timbalan pengerusi Umno Sabah, Datuk Salleh Tun Said yakin pelantikan Musa dapat memperkukuhkan perjuangan parti yang sentiasa mengamalkan semangat berpasukan.

-- BERNAMA

HAK MOZ